

# USIM, Envo Green hasil kit kesan khinzir

PRINSIP halal sangat diutamakan dalam pemilihan makanan mengikut syariat Islam.

Prinsip itu secara umumnya melibatkan dua perkara iaitu bagaimana sesuatu benda itu diperolehi dan adakah barangan itu halal dari segi syariat Islam?

Dewasa ini, isu halal hebat diperkatakan dan banyak kajian dibuat mengenainya. Namun, kebanyakan masih ragu-ragu dalam untuk digunakan terutamanya bagi kaum Muslimin.

Kebanyakan mereka kurang menyedari bahawa terdapat bahan haram yang tersembunyi dalam sesetengah makanan yang dimakan oleh mereka.

Sejajar dengan objektif itu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (Ihram) mengambil langkah proaktif dengan menjalinkan kerjasama

dengan Envo Green Sdn. Bhd. mengenai penyelidikan produk *Porcine Rapid Test Kit* atau Kit Ujian Khinzir.

Melalui kerjasama itu, USIM menyumbang kepada masyarakat Islam sedunia dalam membangunkan peralatan sains yang boleh memastikan makanan adalah selamat dan bebas daripada bahan haram.

Ia diperolehi hasil penggunaan kepakaran Fakulti Sains dan Teknologi (FST) dan Institut Pengurusan Fatwa Sedunia (Infad), USIM.

Kit Ujian khinzir direka untuk mengesan kewujudan atau kehadiran khinzir dalam masa yang singkat.

Ia mudah digunakan dan tidak memerlukan kemahiran tertentu untuk mengendalikannya.

Hanya campurkan sedikit air dengan produk yang hendak diuji. Kemudian



**PENGARAH Ihram, Dr. Alina Abdul Rahim (kiri) bertukar-tukar kit dengan Pengarah Envo Green Sdn. Bhd., Nasaruddin Zainal, sambil diperhatikan Pendaftar USIM, Muhammad Haizuan Rozali (dua dari kanan).**

masukkan Kit Ujian Khinzir ke dalam campuran berkenaan dan tunggu seketika untuk mendapat keputusannya.

Implikasi hasil kajian penyelidik USIM ini bukan sahaja untuk kebaikan USIM dan Envo Green, tetapi juga kepada masyarakat yang pentingkan kandungan makanan yang halal, sihat dan selamat dimakan.

Sementara itu, Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhammad Muda berkata, pada masa hadapan, beliau berharap kerjasama dan hubungan bilateral antara ulama di Malaysia dan ulama Persekutuan Rusia dalam bioteknologi dan industri halal akan lebih erat.

“Kerjasama ini diharap dapat membuka gerbang ke arah hubungan yang kuat di antara universiti dan industri,” katanya.